



Seorang kanak-kanak menyentuh Kitab Suci semasa Kem Komuni Pertama di Akademik Sta Teresita, Zamboanga, Filipina. Gambar FB: Santa Teresita Academy.

Sabda Tuhan:

Sumber HARAPAN

VATIKAN: Bagi menghidupkan Hari Minggu Sabda Tuhan kali keenam, yang dirayakan di seluruh Gereja pada Januari 26, 2025, Sri Paus Fransiskus telah memilih tema yang dipetik dari Mazmur 119:74, “Aku berharap dalam Firman-Mu” (Mzm. 119: 74).

Menurut Ketua Bersama Dikasteri untuk Penginjilan, Kardinal Rino Fisichellini, tema itu adalah seruan harapan manusia pada saat kesusahan, kesengsaraan, dan kekeliruan, berseru kepada Tuhan dan menaruh semua harapan kepada-Nya.

Ia adalah pengalaman manusia yang mendalam, seperti yang biasanya terdapat dalam Mazmur. Semua orang berharap, kita semua mempunyai harapan, tetapi apa yang disampaikan kepada kita dalam Jubli ini adalah “Harapan”, dalam bentuk tunggal.

Ia bukanlah idea abstrak atau optimisme naif, tetapi seseorang, hidup dan hadir dalam kehidupan setiap orang: Kristus yang disalibkan dan bangkit, satu-satunya yang tidak pernah meninggalkan kita. Dan ini sesungguhnya diperjelaskan dalam teologi Paulus: “Kristus Yesus harapan kita” (1 Tim. 1:1).

“Marilah kita berpegang teguh pada pengakuan kita yang memberi kita harapan, sebab Dia yang membuat janji itu dapat dipercayai,” (Ibr. 10:23).

Hakikat bahawa Tuhan setia kepada janji-janji-Nya begitu jelas daripada Perjanjian Lama kepada Perjanjian Baru, dan kerana ini kita boleh dipenuhi dengan kegembiraan dan keyakinan.

Sebagai suatu kepastian akan penggenapan janji, harapan Kristian “tidak mengecewakan” kerana ia diberikan kepada kita melalui kehadiran Roh Kudus yang berkesan (rujuk Rom 5:5). Itulah sebabnya kita boleh berharap dalam Firman-Nya.

Rasul Petrus mengesahkan hal ini melalui kata-katanya, “atas perintahmu aku akan menebarkan jala.” (Luk. 5:5), yang sebenarnya bermaksud, “Aku percaya kepada-Mu.” Harapan yang mengalir dari Firman ini timbul daripada jaminan iman dan mempercayakan kita kepada kasih Tuhan, yang tidak pernah bercanggah dengan dirinya sendiri atau janji yang dibuat.

Uskup Agung Fisichellini mengatakan jubli yang mengetuk pintu setiap 25 tahun dan mendorong kita untuk mengambil kehidupan dengan serius, menawarkan peluang untuk terus fokus pada harapan yang dibawa oleh realisme penginjil.

Hari Minggu Sabda Tuhan sekali lagi membenarkan orang Kristian untuk menyegarkan semula jempitan Yesus yang gigih untuk mendengar dan menghargai sabda-Nya, menawarkan kepada dunia satu kesaksian harapan yang membolehkan seseorang bergerak melampaui kesukaran masa kini.

Firman Tuhan tidak terbatas pada sebuah buku, tetapi ‘hidup’ dan menjadi tanda yang konkrit dan nyata.

Malah, ia mencabar setiap komuniti bukan sahaja untuk menyatakan kepercayaan yang sama seperti biasa, tetapi untuk menyampaikannya dengan keyakinan bahawa sabda-Nya membawa harapan kepada mereka yang mendengar dan menyambutnya dengan kerendahan hati.

Seseorang boleh hidup tanpa mendengar Sabda yang menciptanya dengan cinta, tetapi dengan ini, hidupnya tidak konsisten, makna kehidupan yang hilang, banyak perkara yang akan terlepas tanpa dapat menahannya.

Mungkin orang yang paling memahami hubungan antara sabda Tuhan dan harapan adalah seorang pagan, perwira Roma yang merayu kepada Yesus untuk menyembuhkan hambanya yang sakit, “Katakanlah saja, maka hambaku akan sembuh” (Mat. 8:8). Hanya satu perkataan daripada Kristus sudah cukup untuk dia mempunyai harapan dalam keselamatan!

Sto Petrus juga sangat memahami bahawa apa yang membangkitkan pengharapan adalah sabda Tuhan. Lebih-lebih lagi apabila ramai pengikut yang meninggalkan Yesus dan hanya sedikit yang tinggal lalu Petrus menyatakan, “Tuhan, kepada siapa lagi akan kami pergi? Engkaulah yang memiliki kata-kata hidup yang kekal.” (Yoh. 6:68, AVB).

Sabda Yesus kekal untuk Petrus dan kawan-kawannya sebagai benang pengharapan dalam kepenuhan kehidupan yang dapat mereka harapkan daripada Tuhan.

Kita diberi untuk hidup dalam persahabatan yang tidak terbatas dengan mendengarkan suara-Nya, yang memanggil kita untuk bersekutu dengan-Nya (Why. 3:20), sehingga memungkinkan Roh untuk menghasilkan dalam kita hidup yang baharu, yang melimpah dengan pengharapan dan dalam Tuhan yang menggenapi janji kehadiran-Nya melalui sabda-Nya. Sumber: <http://www.evangelization/content/pcpne/en/attivita/parola/2025/sussidio.html>

**Dispensasi
dari berpuasa
sempena Tahun
Baru Cina 2025**

Saudara saudari terkasih,

Tahun ini, Tahun Baru Cina jatuh pada Januari 29, 2025, dan kebanyakan orang Cina meraikan acara tersebut selama lima belas hari, berakhir pada Februari 12, 2025.

Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei, dengan nasihat Komisi Liturgi Episkopal Serantau Malaysia, Singapura dan Brunei, memberikan maklumat berikut sebagai panduan:

1. Pada hari Jumaat, Januari 31, 2025 dan Februari 7, 2025, dibenarkan untuk tidak berpuasa.

2. Umat beriman digalakkan untuk menggantikan hari-hari tidak berpuasa tersebut dengan bentuk-bentuk penubasan dosa lain seperti kerja-kerja amal dan doa-doa sempena Tahun Jubli ini.

Semoga anda dilimpahi rahmat Tuhan dan perayaan Tahun Baru Cina yang meriah.

**Kardinal William Goh
Presiden Komisi Liturgi Episkopal
Serantau Konferensi para Uskup
Katolik Malaysia-Singapura-Brunei**

Pembohongan dan penghujatan kepada Roh Kudus

Daripada segi psikologi dan moral, perbuatan seperti berbohong dan menafikan kebenaran tidak berbahaya. Yesus memberi amaran kepada kita bahawa kita boleh melakukan dosa yang tidak dapat diampuni yang (menurut-Nya) merupakan penghujatan terhadap Roh Kudus. Apakah dosa ini? Mengapa ia tidak boleh dimaafkan? Dan bagaimana ia dikaitkan dengan perbuatan 'tidak memberitahu kebenaran'?

Berikut merupakan konteks mengapa Yesus memberi kita amaran ini. Ketika itu, Dia baharu sahaja mengusir syaitan yang disaksikan oleh beberapa orang ekstrem yang berpegang pada doktrin.

Orang-orang ini percaya bahawa hanya seseorang yang datang daripada Tuhan boleh mengusir syaitan. Mereka membenci Yesus, jadi mereka tidak dapat menerima kebenaran bahawa Yesus dapat mengusir syaitan.

Mereka memilih untuk menafikan apa yang baharu mereka lihat dengan mata kepala mereka sendiri.

Orang-orang itu tahu bahawa Yesus telah mengusir syaitan oleh Beelzebub, putera syaitan tetapi mereka menafikan kebenaran.

Dalam hal ini, tindakan pertama Yesus ialah cuba membuat mereka melihat kebohongan mereka sendiri.

Dia menjelaskan secara logik, jika kuasa-Nya berasal dari Beelzebub, putera syaitan lalu rumah Syaitan pasti berkecai kerana Dia mengusir syaitan menggunakan putera syaitan.

Tetapi orang-orang itu tetap dalam pembohongan mereka. Dalam konteks inilah, Yesus mengeluarkan amarannya tentang bahaya melakukan dosa yang tidak dapat diampuni kerana ia menghujat Roh Kudus. Pada dasarnya, apakah maksud "menghujat Roh Kudus?"

Berdasarkan kisah tadi, orang-orang yang 'berbohong' tentang Yesus telah menafikan realiti yang baharu sahaja mereka lihat kerana terlalu sukar bagi mereka untuk menerima kebenarannya.

Jadi, mereka menafikan kebenarannya sedangkan mereka sedar bahawa mereka telah berbohong.

Pembohongan pertama tidak begitu berbahaya kerana kita tahu kita berbohong.

Bahayanya ialah jika kita berterusan berbohong dan terus menafikan sehingga kita boleh mencapai tahap di mana kita mempercayai pembohongan itu, melihatnya sebagai kebenaran.

Pembohongan kemudiannya dilihat sebagai kebajikan, dan dosa menjadi tidak dapat diampuni, bukan kerana pengampunan tidak dapat diberikan tetapi kerana kita tidak lagi percaya kita memerlukan pengampunan, dan sebenarnya kita tidak mahu atau tidak terbuka untuk menerima pengampunan.

Setiap kali kita berbohong atau dengan cara apa pun menafikan kebenaran, kita mula mencemari hati nurani kita dan jika kita berterusan dalam hal ini, akhirnya jiwa kita terpesong, kebohongan itu kelihatan seperti kebenaran, kegelapan kelihatan seperti cahaya dan neraka kelihatan seperti syurga.

Neraka bukanlah satu kejutan yang menjijikkan pada orang yang dasarnya jujur dan bahagia.

Neraka hanya dapat 'berbunga' penuh dari sikap ketidakjujuran yang berpanjangan dan berterusan apabila kita telah menafikan realiti untuk sekian lama sehingga kita melihat ketidakjujuran sebagai kebenaran.

Tidak ada sesiapa pun di neraka yang bertaubat dan berharap dia mempunyai peluang lagi untuk hidup dan mati dalam rahmat.

Jika ada sesiapa di dalam neraka, tidak kira kesengsaraan peribadinya, orang itu berasa sombong dan memandang rendah terhadap kenafian orang-orang yang jujur iaitu mereka yang berada di syurga.

Dan mengapa perbuatan itu dikatakan "menghujat Roh Kudus?" Dalam suratnya kepada jemaat Galatia, Sto Paulus membentangkan dua cara asas kita boleh men-



Gambar ilustrasi: Kehidupan dalam roh ini berlaku setiap kali kita bersikap jujur.

jalani kehidupan kita.

Kita boleh hidup di luar roh Tuhan. Kita hidup di luar roh Tuhan setiap kali kita hidup dalam kekafiran, menyembah berhala, membenci, perpecahan dan ketidakjujuran.

Dan pembohongan merupakan jalan yang membawa kita ke sana. Begitu juga hidup dalam Roh Kudus iaitu hidup dalam kasih, sukacita, damai, kesabaran, kebaikan, kesetiaan, lemah lembut dan kudus. Dan kehidupan dalam roh ini berlaku setiap kali kita bersikap jujur.

Oleh sebab itu, setiap kali kita berbohong, setiap kali kita menafikan realiti, setiap kali kita menafikan kebenaran, kita (pada hakikatnya) melangkah keluar daripada dakapan roh Tuhan. Inilah yang dinamakan menghujat Roh Kudus iaitu menafikan kebenaran dan berpihak kepada kebohongan.

Syaitan adalah putera dusta. Itulah sebabnya bahaya terbesar di dunia bukanlah tentang jumlah pembohongan atau memberi maklumat yang salah tetapi penafian terang-terangan terhadap realiti yang ketara pada hari ini.

Tidak ada yang lebih merosakkan dan berbahaya kepada kesihatan jiwa kita selain perbuatan penafian terang-terangan tentang kebenaran sesuatu yang telah berlaku.

Apabila realiti dinafikan: apabila fakta sejarah ditulis semula untuk menghapuskan kebenaran yang menyakitkan; apabila anda diberitahu bahawa ada sesuatu perkara penting telah berlaku dan anda saksikan dengan mata sendiri tetapi menafikannya; apabila seseorang berkata, "holocaust" tidak pernah berlaku; apabila seseorang berkata tidak pernah wujud perhambaan di negara ini; atau apabila seseorang mengatakan tiada kanak-kanak mati di Sandy Hook, itu bukan sahaja menghina martabat jutaan orang tetapi budaya yang menunjukkan fikiran yang tidak waras.

Apabila sesuatu telah berlaku tetapi kemudiannya dinafikan, itu bukan sahaja mempermainkan kebenaran, ia merosakkan kewarasan kita, begitu juga dengan kebiasaan bercakap bohong. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

Rahmat Tuhan telah tiba!

Sangat menarik bagaimana Lukas menyusun kisah Injilnya tentang Yesus. Dia menulis bahawa Yesus muncul di khalayak ramai untuk melaksanakan misi-Nya selepas digoda oleh Iblis di padang pasir.

Yesus dicubai tetapi dapat mengatasinya. Yesus, yang mempunyai keikhlasan dan jujur dalam hati, memperkenalkan diri-Nya sebagai Mesias kepada umat-Nya di Nazaret.

Menurut Yesaya, Mesias datang untuk memberi khabar baik kepada orang miskin, kebebasan kepada tawanan, penglihatan kepada orang buta, pembebasan kepada orang yang tertindas (lih. Yes 61:1-2). Itulah tujuan kedatangan Mesias. Dan Yesus menambahkan penegasan-Nya, bahawa "tahun rahmat Tuhan telah tiba!"

Apakah maksud "rahmat Tuhan telah datang"? Dalam bahasa Injil, istilah "Kerajaan Tuhan telah datang" adalah biasa digunakan.

Kedua-dua istilah bermaksud perkara yang sama. Yesus Mesias telah datang, bahkan Dia telah menebus dan menyelamatkan dunia. Dan Dia juga telah

mengasaskan Gereja-Nya untuk meneruskan pemberian rahmat Tuhan dan membina Kerajaan-Nya. Tetapi realitinya, selepas 20 abad, rahmat Tuhan dan Kerajaan-Nya yang bermula dengan kedatangan Yesus sebagai Mesias masih belum jelas. Kenapa? Apakah sebabnya?

Keadaan dunia kita sekarang ini, termasuk di negara kita, membuktikan bahawa rahmat Tuhan dan Kerajaan Tuhan tidak dapat difahami atau disamakan dengan kenyataan dan hal-hal duniawi yang serba tampak.

Kata-kata Yesus, "Pada hari ini genaplah nas tadi sewaktu kamu mendengarkannya" adalah pengakuan diri-Nya sebagai "Yang diurapi" Tuhan sebagai Almasih. – Tetapi pengertian orang-orang Yahudi sezaman-Nya tentang Almasih sangat berlainan! Mereka menggambarkan perubahan keadaan dunia sebagai Kerajaan Tuhan yang dalam keadaan aman, makmur, damai sejahtera, tidak ada perpecahan, permusuhan dan balas dendam.

Yesus datangewartakan, melaksanakan dan memberikan kerajaan rohani, bukan

jasmani. Oleh sebab itu, 20 abad yang lalu mahupun sekarang ini, kerajaan Tuhan menurut gambaran materialistik masih belum kelihatan.

Sebagai orang beriman, kita harus memiliki keteguhan kepercayaan bahawa Kerajaan Tuhan ada dalam Yesus Kristus, dalam pemberitaan-Nya, dalam pekerjaan penyelamatan-Nya, yang disertai dengan tanda-tanda kebenaran-Nya, seperti menyembuhkan orang sakit, memberi makan dan minum kepada orang yang lapar dan haus, mengusir roh jahat atau syaitan, malah membangkitkan orang mati.

Yesus juga berkata bahawa Dia tidak tahu berapa lama tempoh yang akan kita alami dalam masa antara "sudah ada" dan "belum ada" kepenuhan penyelenggaraan "rahmat Tuhan" dan "Kerajaan Tuhan" yang berterusan.

Dengan latar belakang inilah Injil Lukas hari ini ingin mengingatkan kita dan menegaskan bahawa:

1. Iman kita kepada Yesus bukanlah sekadar suatu pengetahuan atau ilmu, melainkan suatu keyakinan, bukan paksaan,

MINGGU BIASA TIGA (TAHUN C)

NEHEMIA 8:3-5A.6-7.9-11

1 KORINTUS 12:12-30

INJIL LUKAS 1:1-4; 4:14-21

bahawa Dia sungguh Almasih atau Penyelamat kita, seperti dibuktikan-Nya melalui ajaran, hidup, sikap dan perbuatan-Nya.

2. Keselamatan kita sudah bermula, meskipun belum sepenuhnya, namun pasti. Tetapi untuk dapat diselamatkan, kita harus terus menerus mempersiapkan diri secara sungguh-sungguh. Iman kita harus diuji kesungguhannya.

3. Bukan hanya secara fizikal, jasmani, material, tetapi juga secara Rohani dan batin, kita harus tahu dan merasa, bahawa kita adalah miskin, tawanan, buta, tertindas, rohaniah ataupun jasmaniah! Hanya orang yang merasakan kekurangannya itulah yang akan diselamatkan. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

Pembaptisan, berikan kita status sebagai anak Tuhan

BINGKOR, Keningau: Paderi pembantu Katedral St Francis Xavier, Fr Appolonius Yakis merayakan Pesta Pembaptisan Yesus bersama umat St Mary pada Januari 12 yang lalu.

Perayaan dimulakan dengan Misa Kudus. Dalam homilinya, Fr Appolonius mengingatkan umat martabat mereka sebagai anak-anak Tuhan. “Semasa Yesus dibaptis, Tuhan mengatakan “Inilah Anak-Ku yang Ku kasihi”, sekali gus memberi kita gambaran bahawa Sakramen Pembaptisan yang kita terima, turut mengangkat martabat kita sebagai anak-anak Tuhan.”

Klerus itu seterusnya menambah adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga martabat sebagai anak-anak Tuhan dengan ketekunan berdoa.

“Ini adalah kerana Yesus berkomunikasi



kasi dengan Bapa-Nya di syurga doa. Oleh sebab itu, melalui doa, kita dapat berko-

munikasi dengan Yesus. Maka, berdoalah sekerap mungkin kerana ia pasti membantu

kita mengkratkan perhubungan dengan Yesus Kristus.”

Fr Appolonius Yakis juga menegur akan penggunaan berlebihan peranti digital yang dapat menghalang komunikasi dalam keluarga dan sesama.

“Kebiasaan melihat skrin gajet semasa makan bersama keluarga mahupun semasa pertemuan sosial harus dihentikan,” tegas Fr Appolonius.

Majlis diteruskan di Dewan Terbuka St Mary, Bingkor. Selepas sesi ucapan, turut diadakan acara pemotongan kek, cabutan tiket bertuah dan pelbagai persembahan. Turut diumumkan penganjur bagi program yang sama pada tahun hadapan adalah Gabungan Komuniti Kristian Dasar (KKD) St Catherine & KKD Maria Ratu Rosari. **Juanis Markus**

Basilika Minor St Anne bersiap siaga jadi Gereja Kerasulan

BUKIT MERTAJAM: Perhimpunan Pastoral Paroki (PPA) bagi Basilika Minor St Anne berlangsung pada Januari 5, disertai hampir 60 peserta daripada pelbagai pelayanan.

Hadir di perhimpunan itu ialah Kardinal Sebastian Francis, paderi paroki Basilika, bersama-sama penolong paderi paroki, Fr Nelson Joseph, Fr Bernard Hyacinth, SJ, dan dua orang diakon, Lazarus Jonathan dan Dave Kameron.

Perhimpunan itu diketuai oleh pengerusi Majlis Pastoral Paroki, Justin Gomez dan dimulakan dengan membacakan Doa Jubli bersama.

Diakon Lazarus Jonathan, pentadbir paroki, menjelaskan tema Tahun Jubli: Penziarah Harapan, seperti yang diseru oleh Sri Paus Fransiskus.

“Pada Tahun Jubli ini, Sri Paus Fransiskus

menyeru setiap kita untuk membarui rohani dan mengubah dunia dengan memperkenalkan semula harapan.

“Dunia tanpa Tuhan adalah dunia tanpa harapan, dan tanpa harapan, tidak ada masa depan,” kata Diakon Lazarus lalu menggalakkan para hadirin untuk merenung di mana mereka memerlukan harapan Kristus dalam kehidupan mereka.

“Kita semua dipanggil untuk menjadi tanda harapan untuk orang lain,” katanya.

Perhimpunan itu diteruskan dengan pembentangan daripada pelbagai komiti, termasuk kemas kini daripada komiti liturgi dan kewangan, rancangan untuk Perayaan St Anne 2025 dan keperluan mendesak untuk pembaikan besar sistem PA paroki.

Ketua-ketua komiti membincangkan perkara ini secara kolaboratif, menekankan kepentingan meningkatkan kemudahan un-

tuk kongregasi yang semakin meningkat.

Kardinal Sebastian mengakhiri PPA dengan pesan inspirasi dengan ungkapan terima kasihnya kepada para ketua komiti dan sukarelawan atas dedikasi mereka. “Anda adalah ‘kaki, tangan, mata dan jantung Basilika

Minor St Anne.

Prelatus itu menambah bahawa Sri Paus Fransiskus dan Roh Kudus sedang memimpin kita melalui Jubli ini, memanggil kita untuk menjadi Gereja kerasulan. “Teruskan kerja-kerja mulia kalian.”



Kunjungan pastoral Uskup ke KUK Tinagalan, Sook

SOOK: Uskup Cornelius Piong memalugong sebanyak 19 kali sebagai perasmian beberapa perayaan sukacita di Gereja Katolik Imanuel Kg Tinagalan, Sook.

Pada Disember 28, 2024, Uskup Cornelius melawat Gereja Imanuel Tinagalan sekali gus meraikan ulang tahun ke-19 Gereja tersebut dan merayakan ulang tahun penubuhan keenam tiga pondok Komuniti Kristian Dasar (KKD), iaitu St Joseph, Santa Maria dan St Gabriel.

Pengerusi Penganjur, Puan Norsiah Naik dalam ucapannya menyatakan Penubuhan Komuniti Umat Kristian (KUK) Tinagalan bermula pada tahun 1989 dengan tempat ibadat pertama di Balai Raya Kg Tinagalan yang dipimpin oleh Katekis Jiki Dawani sehingga kini.

Bangunan Gereja mula dibina pada tahun



2003 dan diberkati pada Disember 2005 oleh Uskup Cornelius.

Kemudian pada Ogos 17, 2014, Bapa Uskup melawat KUK itu sekali lagi untuk memberkati Dewan Gereja yang siap dibina dan disumbangkan oleh wakil rakyat Sook. **Beatlvina Bianu**

Lapan tabiat mulia untuk kehidupan Kristian

CHERAS: Penginjilan dan menyebarkan Khabar Sukacita merupakan misi 25 ahli Koir berbahasa Inggeris dari Gereja *St Francis of Assisi* yang menganjurkan persembahan muzikal Krismas bertema, *Be Born in Me*.

Keseluruhan persiapan dan persembahan muzikal itu juga turut mempromosi lapan tabiat untuk kehidupan Kristian yang berkesan iaitu:

1. Berdoa sepanjang waktu (Mrk 1:35)
2. Membaca firman Tuhan (1 Sam 3:10)
3. Persahabatan Kasih (Mat 22:37-40)
4. Pelayanan Kasih (Mat 20:28)
5. Perkongsian Iman (Mat 28:19-20)
6. Meditasi Kristian (Maz 46:10)
7. Gaya Hidup Peduli (1 Tes 5:16-18)
8. Gaya Hidup Sihat (1 Kor 6:19-20)

Kem Kanak-Kanak di St Felix Biawak

LUNDU, Sarawak: ‘Kids Camp’ paroki *Holy Spirit* telah diadakan di Gereja St Felix Biawak, Lundu baru-baru ini telah menarik penyertaan seramai 174 kanak-kanak dan 82 guru Sekolah Minggu.

Kem ini bertujuan untuk memupuk kerohanian, perpaduan dan kerjasama dalam kalangan kanak-kanak serta memperkukuh hubungan antara guru-guru.

Acara dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Adrian Kho.

Dalam homilinya, Fr Adrian menekankan kepentingan pendidikan iman sejak usia muda dan memuji usaha penganjur yang mempersiapkan kem tersebut.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program ini, termasuk menyusun

gambar mengikut cerita dalam Kitab Suci, mencari harta karun dan sukaneka kanak-kanak.

Setiap aktiviti dirancang untuk menggalakkan kerjasama, kreativiti dan pemahaman tentang nilai-nilai Kristian.

‘Kids Camp’ pada kali ini turut dibantu oleh Menteri Belia Katolik daripada Zon Biawak.

Kem Kanak-kanak diakhiri dengan doa penutup oleh Katekis Pearson Ayung serta acara penyampaian hadiah kepada para pemenang aktiviti.

Senyuman terpancar pada wajah setiap peserta yang pulang dengan pelbagai cenderahati dan iman yang diperbarui.


Sumber Today's Catholic



Sahabat kecil Yesus

ISIkan TEMPAT KOSONG PADA PETIKAN KITAB SUCI DI BAWAH UNTUK MEMBACA APA YANG DIKATAKAN OLEH YESUS.

Roh Tuhan ada pada-Ku,
oleh sebab Dia telah
..... Aku untuk
menyampaikan
kepada orang-orang
dan telah mengutus Aku
untuk memberitakan
pembebasan kepada orang-
orang , dan
penglihatan bagi orang-
..... , untuk
orang-orang yang
untuk memberitakan tahun
..... Tuhan telah datang.
(Lukas 4:18-19)



Hello adik-adik,

Dalam pewartaan Injil kita pada hari Minggu ini, mengisahkan Yesus pergi ke rumah ibadat di Nazareth, tempat Dia dibesarkan.

Seperti kebiasaannya, Dia berdiri untuk membaca dan diberikan gulungan kitab nabi Yesaya. Inilah yang dibaca-Nya, "Roh Tuhan ada pada-Ku, oleh sebab Dia telah mengurapi Aku, untuk menyampaikan khabar baik kepada orang-orang miskin; dan Dia telah mengutus Aku untuk memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan, dan penglihatan bagi orang-orang buta, untuk membebaskan orang-orang yang tertindas, untuk memberitakan tahun rahmat Tuhan telah datang" (Lukas 4:18-19).

Setelah Yesus selesai membaca, Dia menggulung gulungan itu dan menyerahkannya kembali kepada pelayan, lalu duduk.

Semua orang memerhati dan menunggu untuk melihat apa yang akan dikatakan oleh Yesus. Dia

berkata kepada mereka, "Pada hari ini genaplah nas ini sewaktu kamu mendengarnya."

Kita tahu bahawa Tuhan menepati janji-Nya, kerana Kitab Suci memberitahu kita bahawa Tuhan tidak boleh berbohong. (Titus 1:2, Ibrani 6:18).

Kita tahu bahawa Tuhan menepati janji-Nya kerana Kitab Suci memberitahu kita bahawa tidak ada satu pun janji-Nya yang gagal (Yosua 23:14).

Kita tahu bahawa Tuhan menepati janji-Nya kerana Kitab Suci memberitahu kita bahawa Dia setia. (Ibrani 11:11).

Adik-adik, hari Minggu ini juga adalah Hari Minggu Sabda Tuhan. Tema hari Minggu Sabda Tuhan pada tahun ini ialah "Sebab aku berharap kepada firman-Mu" (Mazmur 119:74). Adik-adik, pada zaman moden ini ada banyak cara untuk kita membaca kitab suci. Amat rugi jika kita tidak membacanya kerana ia adalah Sabda Tuhan yang hidup!

Salam kasih
Antie Melly

Dia menutup kitab itu, memberikannya kembali kepada pejabat, lalu duduk; dan mata semua orang dalam rumah ibadat itu tertuju kepada-Nya. Lalu Dia memulai mengajar mereka, kata-Nya:
.....
.....

(Lukas 4:21)



Sambungkan ayat atau tulis kan apa yang dikatakan oleh Yesus semasa berada di rumah Ibadat.



Cari SEPULUH perbezaan pada gambar ini!



BELIA

Dari desa ke kampus membawa kisah penuh makna

Belia Milenium kali ini menampilkan dua orang belia dari dua negara berbeza. Mereka berkongsi iman, bagaimana mereka menemui keajaiban Tuhan dalam perkara-perkara biasa.

Setelah berminggu-minggu bergelut dengan rutin kampus yang padat, akhirnya pada cuti semester yang lalu membolehkan saya kembali ke kampung halaman yang terasa seperti oasis yang menenangkan. Setibanya di rumah, saya disambut hangat oleh ibu bapa yang senyumnya sehangat matahari pagi.

Pagi hari di kampung dimulai dengan suara ayam berkokok dan embun yang masih melekat di dedaunan.

Setelah sarapan, saya mengambil waktu sejenak untuk membaca Alkitab di bawah pohon rendang di halaman belakang. Salah satu ayat kegemaran saya, Mazmur 23:1, "Tuhan adalah gembalaku, takkan kekurangan aku," mengingatkan saya akan kedamaian dan pemeliharaan Tuhan dalam setiap aspek kehidupan. Ayat ini memberikan ketenangan di tengah-tengah hiruk-pikuk rutin sehari-hari.

Selepas itu, saya membantu ibu bapa saya di ladang kelapa sawit. Kami berjalan bersama-sama sambil mendengar kicauan burung, dan merasakan sentuhan angin yang lembut.

Menuai kelapa sawit adalah aktiviti yang menyeronokkan. Setiap buah sawit yang jatuh ke dalam bakul terasa seperti hasil kerja keras yang memuaskan. Saya dan ayah bergilir-gilir mengangkat tandan sawit yang berat itu ke dalam troli, manakala ibu menyediakan makanan ringan untuk kami nikmati di antara waktu kerja.

Setiap kali saya rasa penat, saya teringat ayat yang saya baca pagi ini, dan ia memberi saya kekuatan baharu.

Pada sebelah petang, saya mengajak ayah

memancing di sungai berhampiran rumah. Kami duduk di tebing, melempar mata kail, dan menunggu ikan datang. Bunyi gemersik air dan angin sepoi-sepoi membuatkan suasana sangat mendamaikan.

Kami bercakap tentang zaman kanak-kanak hingga harapan dan impian untuk masa depan. Tiba-tiba, saya merasakan tarikan kuat di hujung mata kail. Rupa-rupanya saya telah berjaya menangkap seekor ikan yang agak besar.

Wajah ayah saya berseri, bangga melihat kejayaan saya. Aktiviti memancing ini juga mengajar saya tentang kesabaran dan ketabahan, dua perkara yang sangat berharga dalam hidup.

Pada waktu petang, ibu memasak ikan yang kami tangkap. Aroma yang sedap menular ke seluruh rumah, mengundang perut yang lapar.

Kami makan malam bersama di meja makan yang ringkas tetapi hangat. Setiap suapan makanan membawa kenangan manis dan kesyukuran. Semasa makan malam, kami bercakap tentang rancangan untuk hari-hari seterusnya dan mengimbau kembali detik-detik indah kami bersama.

Selepas makan malam, kami duduk di beranda rumah sambil melihat bintang-bintang berkelip di langit malam, memberikan pemandangan yang tidak dapat ditemui di bandar. Kami berbual hingga larut malam, menikmati kebersamaan kami yang sudah jarang dapat bersama.

Cerita ayah dan ibu mengingatkan saya tentang kepentingan sentiasa bersyukur dan bergantung kepada Tuhan dalam segala hal.

Percutian kali ini mungkin tidak diisi



dengan perjalanan jauh atau aktiviti glamour, tetapi bagi saya, membantu ibu bapa di kebun, menjemur padi, memancing dan sekadar meluangkan masa bersama keluarga adalah pengalaman yang tidak ternilai.

Di tengah-tengah kesibukan kampus, kenangan manis ini akan sentiasa menjadi sumber ketenangan dan inspirasi.

Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk merasai kasih sayang dan kemesraan keluarga, dan menguatkan iman saya pada setiap langkah perjalanan hidup saya.

Bertnego Balaraman dari Mempawah, Kalimantan Barat, merupakan Mahasiswa Pendidikan Bahasa Inggeris di Universiti San Agustinus Hippo, Indonesia.

Dalam kesibukan duniawi, saya menemukan ketenangan dalam Misa Kudus. Oleh sebab itu, di mana sahaja saya berada, saya akan memastikan saya menghadiri Misa Kudus hari Minggu.

Saya berada di Sarawak untuk tujuan penyelidikan sosiolinguistik. Merayakan Misa Kudus dalam bahasa Iban, adalah sebuah pengalaman pertama dan amat berharga bagi saya.

Untuk ke Gereja terdekat iaitu



Meraikan pluralisme

Gereja St Joseph, Sungai Empit, Kota Samarahan, saya telah memesan *Grab*.

Semasa Misa, ahli-ahli koir dengan suara merdu dan lantang menyanyikan; Kemuliaan, Kami Memuji Dikau "Mulia ke Taala ba endur ti pepadu tinggi, lalu pemaik di dunya ke orang ti mentas ..." bergema memenuhi ruang. Meskipun merayakan Misa bukan dalam bahasa ibunda, namun kehadiran Tuhan terasa kuat di dalam setiap doa dan pujian yang dinyanyikan.

Saya tertarik melihat paderi berbangsa Cina yang memimpin Misa, begitu fasih berbahasa Iban dan menyampaikan homili.

Benarlah Firman Tuhan berkata: "Sebab di mana dua atau tiga orang berkumpul dalam nama-Ku, di situ Aku ada di tengah-tengah mereka" (Matius 18:20).

Petikan ini memperkuat keyakinan saya bahwa kasih dan kehadiran Tuhan

dapat dirasakan dalam setiap pertemuan umat-Nya.

Selepas Misa, saya memesan perkhidmatan *Grab semula*. Namun, semasa menunggu — hati saya sedikit bimbang dengan kata-kata pemandu *Grab* pagi tadi bahawa, "Sitok, memang susah nak dapat *Grab*. Tapi boleh coba lah."

Syukur puji Tuhan! Setelah hampir sejam menunggu, seorang pemandu *Grab* akhirnya menerima pesanan saya. Ketika *Grab* tiba, pemandu tersebut tersenyum dan berkata, "Wah..... senang hati, baru balik dari Rumah Tuhan!" — hati saya terharu mendengarnya.

Walaupun pemandu tersebut beragama Islam, tetapi beliau turut merasai kegembiraan selepas beribadat.

Pengalaman merayakan Misa Kudus dengan komuniti Katolik Iban merupakan momen indah. Saya merasa diberkati dan bertemu dengan orang yang tidak dikenali, mendorong saya untuk sentiasa



memupuk persahabatan dalam Kristus.

Perkongsi iman daripada Agnes Joseph, berasal dari Keuskupan Keningau.

Berita ringkas Gereja sejagat

Biden anugerahkan Sri Paus medal presiden

VATIKAN: Presiden Joe Biden menganugerahkan Sri Paus Fransiskus dengan penghormatan tertinggi awam Amerika Syarikat atau Pingat Cemerlang Presiden kata Rumah Putih pada Januari 11.

Biden, presiden Katolik kedua AS, bercakap dengan Bapa Suci yang menjelaskan kepada prelatus bahawa beliau adalah penerima penghormatan yang jarang berlaku, kata Rumah Putih.

Biden memberikan anugerah ini pada penghujung tempoh jawatannya presiden AS.

Pada Januari 8, Biden membatalkan perjalanan ke Itali yang dijadualkan pada Januari 9-12 kerana kebakaran hutan yang dahsyat di California.

"Misi Sri Paus Fransiskus untuk berkhidmat kepada golongan miskin tidak pernah goyah," kata Rumah Putih dalam satu kenyat-

aan mengenai penghormatan itu.

"Sebagai paderi yang penyayang, dia dengan senang hati menjawab soalan kanak-kanak tentang Tuhan. Sebagai seorang guru yang berdedikasi, beliau mengajar kita untuk memperjuangkan keamanan dan melindungi planet ini. Sebagai pemimpin yang mesra, dia mendekati agama yang berbeza," kata kenyataan itu.

"Sri Paus pertama dari Hemisfera Selatan... Beliau adalah Bapa Suci berjiwa rakyat — cahaya iman, harapan dan cinta yang bersinar terang di seluruh dunia."

Pingat presiden ini jarang dianugerahkan dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Biden sendiri adalah salah seorang penerima. Presiden Barack Obama ketika itu menganugerahkan Biden, yang ketika itu naib presiden, dengan pingat yang sama pada 2017. **Media Vatikan**



"Penyamun" bebaskan dua orang biarawati yang mereka culik

ANAMBRA: Dua orang religius wanita di Nigeria yang diculik pada Januari 7 lalu, ketika mereka pulang dari mesyuarat di Ogboji, Anambra, dibebaskan pada Januari 13 tanpa syarat, kata kongregasi mereka.

Sr Vincentia Maria Nwankwo dan Sr Grace Mariette Okoli, yang baharu pulang dari mesyuarat, diculik dan dibawa ke Jalan Ufuma.

Kedua-duanya adalah ahli *Congregation of the Sisters of the Immaculate Heart of Our Lady* di Onitsha, Nigeria.

"Kami berbesar hati untuk mengumumkan bahawa dua orang biarawati kami telah dibebaskan tanpa syarat dan berada dalam keadaan sihat," kata jurucakap kongregasi mereka dalam satu kenyataan, sambil menyatakan kesyukuran "kepada Tuhan atas semua atas doa dan sokongan semasa hari sukar tersebut."



Di Nigeria, kumpulan bersenjata yang dikenali secara tempatan sebagai "bandit", menasak orang Kristian — menjadikan tahun 2024 sebagai tahun paling teruk dari segi keselamatan.

Pada November 2024, "bandit" telah menculik — dan membebaskan — tiga paderi Katolik. Walaupun data komprehensif untuk 2024 belum tersedia tetapi antara September 2022 dan Ogos 2023 sahaja, 21 paderi Katolik telah diculik di Nigeria, kata Konferensi para Uskup Katolik Nigeria. **CNA**

Para uskup Asia akan mendirikan sebuah pejabat galak sinodaliti

MANILA: Uskup Katolik di Asia merancang untuk menubuhkan sebuah pejabat untuk meneruskan momentum Sinode mengenai Sinodaliti yang telah berlangsung selama dua tahun.

Pembukaan pejabat itu bertujuan untuk meningkatkan penyertaan awam dalam hal ehwal Gereja. Pejabat Transformasi Sinodal yang dirancang mahu memastikan momentum proses sinodal tidak pudar 'dalam persidangan keuskupan dan uskup di Asia,' kata Kardinal Filipe Neri Ferrão, pengerusi Federasi Persidangan Uskup Katolik Asia (FABC).

Pejabat itu akan menganjurkan pembentukan uskup dan pemimpin Gereja lain secara berterusan mengenai sinodal, memberikan mereka sarana yang diperlukan untuk memimpin komuniti mereka tentang sinodal.

Pejabat itu, yang dibayangkan sebagai "ruang khas" yang bertujuan untuk "berkongsi amalan terbaik, pengalaman dan sumber di seluruh benua Asia untuk menerapkan prinsip sinodal," kata kenyataan akhbar Januari 14, yang diterbitkan di laman web Konferensi para Uskup Katolik Filipina. **Ucanews.com**

Thailand bakal kanonisasi lapan martir

BANGKOK: Sebelum perayaan Ekaristi memperingati Beato Nicholas Bunkerd Kritbamrung di Samphran, Bangkok, pada Januari 12, Nunsio Apostolik ke Thailand, Uskup Agung Peter Bryan Wells, mempersembahkan relik lapan orang martir kepada calon Uskup Agung Francis Xavier Vira Arpondratana dari Keuskupan Agung Metropolitan Bangkok dan kepada enam uskup serta wakil dari keuskupan suffragannya: Ratchaburi, Chanthaburi, Nakhon Sawan, Chiang Mai, Chiang Rai dan Surat Thani.

Upacara serupa turut dirayakan pada Disember 14, 2024 lalu di *Shrine Our Lady of the Martyrs of Thailand* di Songkhon, di mana relik para martir itu dipersembahkan kepada Uskup Agung Anthony Weradet Chaiseri dari Keuskupan Agung Tharae-Nongseng dan tiga keuskupan suffragan: Ubon Ratchathani, Udon Thani dan Nakhon Ratchasima.


Relik-relik itu disimpan dalam relikuari yang baharu dibuat, melambangkan perpaduan lapan orang martir ini, yang hidup dan mati kerana iman mereka semasa penganiayaan pada pertengahan abad ke-20.

Dalam homilinya, Uskup Agung Peter menyentuh tentang keberanian para martir Thailand bahawa "Mereka dibaptis ke dalam Kristus dalam air dan kemudian dalam darah."

Prelatus itu mencabar umat beriman untuk mendapatkan inspirasi daripada pengorbanan mereka dan menunaikan janji pembaptisan masing-masing dengan keyakinan.

Tahun lalu, Konferensi Uskup Katolik Thailand (CBCT) memutuskan untuk menyatukan kanonisasi Beato Nicholas Bunkerd Kritbamrung dari Bangkok dan Tujuh Martir.

Keputusan itu berdasarkan kesaksian bersama para martir itu



tentang Kristus semasa tempoh pergolakan politik dan sosial antara 1940 dan 1944, apabila agama Kristian disasarkan sebagai "agama asing."

Beato Nicholas, seorang paderi dari Samphran, melayani umat Katolik di tengah-tengah penganiayaan.

Dihukum penjara 15 tahun, dia telah membaptis 66 banduan semasa dipenjarakan. Walaupun menderita sakit selama sembilan bulan, dia tetap teguh dalam imannya dan meninggal dunia di penjara pada tahun 1944 pada usia 49 tahun.

Sementara itu, di perkampungan Katolik Songkhon, katekis Philip Siphong dan enam orang wanita, termasuk dua biarawati, telah memilih mati martir daripada melepaskan iman mereka. Pengorbanan mereka telah diiktiraf oleh Sri Paus Sto Yohanes Paulus II, yang menyatukan tujuh martir Songk-

hon pada tahun 1989 dan Beato Nicholas pada tahun 2000.

Untuk menghormati legasi para martir dan mempromosikan devosi kepada mereka, CBCT telah menubuhkan Komisi Kanonisasi yang diketuai oleh Uskup Agung Anthony Weradet Chaiseri dari Keuskupan Agung Tharae-Nongseng. Komisi itu menyediakan relikuari yang mengandungi relik kesemua lapan martir, yang akan dipamerkan di setiap keuskupan di seluruh Thailand. Relikuari ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada umat Katolik untuk mencontohi iman teguh para martir sambil memperdalam hubungan rohani mereka dengan saksi-saksi Kristus ini.

Msgr Andrew Vissanu Thanya-anan, pengerusi Jawatankuasa Promosi Tujuan Kanonisasi, menjelaskan bahawa "Umat Tuhanlah yang mencetuskan 'fama sanctitatis,' untuk mengiktiraf para martir ini sebagai saksi Kristus dan Injil."

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada persiapan ulang tahun pengorbanan dan beatifikasi para martir, termasuk ulang tahun ke-25 beatifikasi Beato Nicholas yang akan datang pada tahun ini.

Dalam homilinya, Uskup Agung Wells menggesa umat beriman untuk meneladani dan mengenang para martir. "Roh Kudus memberi kuasa kepada mereka untuk menjalani kehidupan dengan keberanian dan iman yang luar biasa. Roh yang sama itu tinggal di dalam kita, memanggil kita kepada kekudusan."

Prelatus itu mengingatkan umat bahawa matlamat utama para martir—kehidupan kekal bersama Tuhan—adalah panggilan yang sama untuk semua orang Kristian. **LiCAS News**



Nunsio Apostolik ke Thailand, Uskup Peter Bryan Wells, mempersembahkan relik lapan martir kepada calon Uskup Agung Francis Xavier Vira Arpondratana pada Januari 12, 2025. **Gambar: LiCAS News**

AUDIENSI UMUM MINGGUAN SRI PAUS FRANSISKUS

Hapuskan segera eksploitasi kanak-kanak

VATIKAN: "Semasa berkarya di bumi, Yesus berulang kali bercakap tentang kepentingan melindungi, menyambut dan mengasihi anak-anak kecil," kata Sri Paus Fransiskus dalam nada tegas, semasa berucap pada Audiensi Umum minggunya, Januari 15 di Dewan Paulus VI, Vatikan.

Meneruskan siri katekesisnya mengenai kanak-kanak, minggu ini Sri Paus memberi tumpuan kepada kebajikan mereka.

Dalam ucapannya, Bapa Suci mengingatkan bagaimana Tuhan mengasihi semua orang sebagai anak Tuhan dan mengambil berat terutama bagi mereka yang paling kecil.

Tidak seharusnya terjadi satu kes pun

"Namun, pada hari ini ratusan juta kanak-kanak di bawah umur di dunia, meskipun belum mencapai umur minimum dewasa, terpaksa bekerja dan ramai kanak-kanak yang terdedah kepada kerja yang sangat berbahaya," kata Bapa Suci dalam nada kesal.

"Amat menyedihkan lagi apabila kanak-kanak menjadi hamba kepada perdagangan untuk pelacuran atau pornografi serta perkahwinan paksa."

Bapa Suci menyedari, dalam masyarakat kita, terdapat banyak cara di mana kanak-kanak didera dan dianiaya.

"Penderaan kanak-kanak, dalam apa jua



bentuk, adalah satu perbuatan yang keji dan zalim," tegasnya seraya menegaskan "ini bukan sahaja merugikan masyarakat tetapi sebuah pelanggaran berat terhadap perintah Tuhan. Tiada seorang pun kanak-kanak harus disalahgunakan!" katanya.

"Oleh itu adalah perlu untuk membangkitkan hati nurani, untuk mempraktikkan kedekatan dan perpaduan dengan kanak-kanak dan remaja yang didera, dan pada masa yang sama, membina kepercayaan dan sinergi antara mereka yang komited untuk menawarkan peluang dan kes-

elamatan kepada kanak-kanak — tempat untuk membesar dengan tenang."

Kemiskinan yang meluas, kekurangan alat sokongan sosial untuk keluarga, pengangguran dan ketidakamanan di tempat pekerjaan adalah bentuk tidak adil terhadap golongan kanak-kanak.

Bapa Suci juga mengutuk bagaimana kanak-kanak sering 'dipergunakan'.

"Kristus memandang memenuhi keperluan anak-anak kecil ini adalah kewajiban moral yang serius. Adakah kita akan memikul kewajiban ini?" **Media Vatikan**

hukuman Tuhan cenderung mengehadkan pemahaman kita tentang kasih dan keadilan-Nya.

Dalam Yohanes 3:17, dikatakan, "Tuhan mengutus Anak-Nya ke dalam dunia bukan untuk menghakimi dunia, melainkan untuk menyelamatkannya." Ini menunjukkan bahawa misi utama Tuhan adalah untuk menyelamatkan, bukan untuk menghukum.

Penderitaan yang dialami manusia tidak selalunya akibat langsung daripada dosa mereka. Kisah Ayub adalah contoh klasik tentang orang yang benar di hadapan Tuhan, tetapi mengalami penderitaan yang luar biasa. Tuhan membenarkan penderitaan itu berlaku bukan sebagai hukuman, tetapi sebagai sebahagian daripada rancangan yang lebih besar yang mengatasi pemahaman manusia.

Dalam menghadapi penderitaan, kita juga dipanggil untuk menyatukan penderitaan kita dengan penderitaan Kristus di kayu salib.

Dalam Kolose 1:24, Paulus menulis, "Sekarang aku bersukacita bahawa aku boleh menderita kerana kamu, dan apa yang masih kurang dalam penderitaan Kristus, aku lengkapkan dalam dagingku untuk tubuh-Nya, iaitu jemaat." Ini adalah panggilan untuk menjadi sebahagian dari misteri penebusan, di mana penderitaan kita dapat menjadi sarana kasih dan pengudusan.

Kita berdoa semoga Tuhan memberikan kita hati yang penuh belas kasih, pengertian yang bijaksana, dan jiwa yang selalu tertambat kepada-Nya, seperti Ayub yang tetap setia meski dalam penderitaan yang berat.

Dalam semua itu, kita tetap percaya bahawa Tuhan adalah KASIH dan dalam kasih-Nya, kita menemui penghiburan dan HARAPAN. **Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Jala untuk menangkap manusia

Sinode mengenai sinodaliti telah berakhir, dan dalam kenyataan akhir sinode pada Oktober tahun lalu, Sri Paus Fransiskus menetapkan sebagai dokumen magisterial, kerana dia tidak mengeluarkan dokumen khas daripada keputusan sinode.

Baginya, apa yang dihasilkan dalam proses tiga tahun itu sudah cukup untuk mengiringi perjalanan Gereja.

Sudah tentu, dokumen terakhir perlu dikaji, tetapi diingatkan bahawa pelbagai pernyataan atau ungkapan di dalamnya harus diterima dalam semangat keterbukaan kepada Roh, bukan dalam sikap tegar dan fikiran beku, kerana Roh memupuk keharmonian walaupun di tengah-tengah perbezaan. Kerana akhirnya hanya satu Roh yang bertiup di pelbagai tempat dan keadaan.

Mengapa saya mengetengahkan sinode tentang sinodaliti yang sudah beberapa bulan berakhir? Sebab Keuskupan-keuskupan Katolik Malaysia sedang dalam proses menuju Perhimpunan Pastoral Malaysia pada tahun 2026 atau MPC26.

Dalam perjalanan bersama menuju MPC26 ini, saya teringat kembali perumpamaan Sri Paus Fransiskus yang mengaitkan sinode tentang sinodaliti itu sebagai berjalan bersama adalah satu seni.

Semasa penutupan sinode, Fransiskus menggunakan imej seperti penari, berjalan di lorong dengan iringan muzik, dalam nada cinta.

Pada pandangan saya yang 'kecil' ini, hidup adalah perjalanan, ziarah. Pada Tahun Jubli 2025 ini, semoga kita tidak terjebak atau terhenti dengan kegagalan atau kerisauan sebaliknya tetap melangkah ke hadapan, melabuhkan 'jala untuk menangkap manusia' sambil berlayar di lautan kehidupan.

Jangan hanya berdiam diri, tidak mahu berbuat apa-apa. Jangan berputus asa kerana keadaan tidak selalu baik. Terdapat banyak perkara yang boleh membuat kita buta.

Dan disebabkan kebutaan ini, kita tidak dapat melihat kehadiran Tuhan, tidak bersedia untuk menerima cabaran realiti atau tidak dapat menyatakan respons yang mencukupi terhadap segala laungan masalah yang datang.

Kita tidak boleh berdiam diri, tetapi harus menjauhi semua itu, agar kita tidak buta tetapi disinari oleh sinar cahaya Ilahi. Jangan statik, diam, tetapi ambil langkah untuk berjalan bersama. Itu adalah jemputan untuk Gereja Katolik di Malaysia untuk berjalan bersama menuju MPC26.

Tahun 2025 kita raikan sebagai tahun jubli penebusan. Sri Paus meletakkan jubli ini di tengah-tengah realiti kehidupan yang boleh membuat kita pesimis dan berputus asa. Orang Kristian adalah pembawa harapan.

Oleh itu, melalui dekrianya *Spes Non Confudit*, Bapa Suci Fransiskus menyeru agar kita tidak jemu menabur harapan. Harapan memang tanda iman, lebih-lebih lagi jika harapan itu direalisasikan dalam semangat mengasihi sesama dan alam ciptaan Tuhan.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau
WhatsApp: 011-26391498



Bencana dan Derita adalah Misteri Iman



Beberapa ketika dahulu, tersebar video bencana kebakaran besar di Amerika sebagai satu bentuk hukuman dari Tuhan. Bagaimana kita, sebagai orang Kristian, memahami dan bertindak balas terhadap perkara ini?

Sebagai orang yang beriman, kita percaya bahawa Tuhan itu Maha Pengasih. Dia yang menciptakan langit dan bumi dan mengasihi setiap ciptaan-Nya tanpa membeza-bezakan.

Dalam Matius 5:45, Yesus mengajar bahawa Tuhan "menyinarkan matahari-Nya atas orang jahat dan orang baik, dan menurunkan hujan kepada orang benar dan orang tidak benar." Ayat ini menegaskan bahawa kebaikan dan penderitaan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, tanpa terkecuali.

Bencana di mana sahaja ia berlaku, sama ada kebakaran, gempa bumi atau banjir, adalah sebahagian daripada realiti dunia yang telah jatuh ke dalam dosa. Namun, mengatakan bahawa bencana adalah azab Tuhan — memerlukan

kewaspadaan yang tinggi.

Dalam menghadapi penderitaan dan malapetaka, kita dipanggil untuk menjauhi sikap menghakimi. Kisah "Orang Samaria yang Baik Hati" dalam Lukas 10:25-37 memberikan contoh bagaimana kita harus bertingkah laku.

Orang Samaria ini, tanpa mengira latar belakang mangsa yang dirompak, dengan penuh kasih sayang membantu orang yang memerlukan. Inilah panggilan kita sebagai anak-anak Tuhan.

Apabila ditimpa musibah, kita tidak dijemput menjadi hakim yang menentukan sama ada ianya hukuman atau tidak.

Sebaliknya, kita dipanggil untuk menjadi 'orang Samaria' yang memeluk, membantu dan mendoakan mereka yang menderita.

Kasih Tuhan Melebihi Hukuman

Tuhan itu Maha Besar, dan kasih-Nya melebihi apa yang kita sebagai manusia boleh fahami.

Mengatakan bahawa bencana adalah

Untuk Hak Mendapat Pendidikan
Marilah kita berdoa untuk para pendatang, pelarian dan mereka yang terjejas oleh peperangan, agar hak mereka untuk mendapat pendidikan, yang adalah perlu untuk membina dunia yang lebih baik, akan sentiasa dihormati.

Januari 26, 2025

Seminar Pembinaan Negara: Kristian dan Rasuah

KUCHING: “Mengapa kita menjadi sangat kebas terhadap kejahatan di dunia hari ini? Kita takut menentang, kita takut menyinggung perasaan orang. Sebagai umat Tuhan, kita perlu bersuara.” Begitulah antara kata-kata mendalam yang diucapkan oleh Fr Clarence Devadass semasa lawatannya ke Kuching baru-baru ini untuk seminar Pembinaan Negara: Kristian dan Rasuah.

Seminar tersebut adalah salah satu daripada siri ceramah dan seminar yang dianjurkan oleh Pelayanan Ajaran Sosial Katolik (CSTM), bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan menjadi platform untuk mempromosikan perbincangan serta pendidikan terbuka mengenai isu sosial dan politik yang mencabar dari perspektif Katolik. Seramai 58 peserta menyertai seminar yang diadakan di Dewan Gereja Blessed Sacrament, termasuk Fr Ramon Borja SDB, dan Fr Felix Au.

Doa pembukaan dan ucapan telah dilakukan oleh Fr Leonard Yap selaku rektor BSC, diikuti dengan pengenalan ringkas Ajaran Sosial Gereja Simon Siah.

Fr Clarence mengendalikannya seminar itu dalam tiga bahagian, iaitu: Asas Kitab Suci, Implikasi Etika dan Seruan untuk Tindakan.



Beliau menonjolkan pelbagai bentuk ke-merosotan moral dalam masyarakat serta ketidakseimbangan ekonomi di dunia hari ini, dengan memetik kisah-kisah daripada Kitab Suci sebagai contoh ketidakadilan yang sedang berlaku dan mengingatkan kita tentang rancangan Tuhan untuk manusia.

Kemudian, beliau menjelaskan tentang ‘penghakisan kebenaran’ yang disebabkan oleh rasuah dan bagaimana ia berkaitan dengan kebebasan. “Kita hidup dalam era di mana relativisme moral (etika) — idea ba-

hawa prinsip moral tidak mempunyai standard objektif — menembusi masyarakat kita. Penghakisan kebenaran yang dicetuskan oleh rasuah memberi kesan kepada budaya yang diseru untuk orang Kristian iaitu budaya kebenaran.”

“Memandangkan rasuah bercanggah dengan Kitab Suci dan merosakkan keharmonian, kestabilan dan perpaduan dalam masyarakat manusia, orang Kristian mempunyai kewajipan moral untuk memerangi semua bentuk rasuah.”

Hampir tidak ada masa yang cukup untuk Sesi Soal Jawab kerana terdapat begitu banyak isu yang dikemukakan oleh peserta. Sebagai penutup, Fr Clarence menyeru hadirin untuk membina tiga nilai murni yang membantu mengatasi ketamakan — integriti, kesederhanaan dan keadilan.

Dalam seruan untuk bertindak, beliau menekankan tiga perkara utama iaitu seruan kepada pertobatan, suara menentang kejahatan, dan pendidikan perwatakan untuk perubahan. **Sumber Today's Catholic**

Majlis penghargaan AMNEC

KUALA LUMPUR: Selamat tinggal 2024 dan selamat datang 2025. Pada 4 Januari 2025, Misi Penginjilan Baharu Keuskupan Agung Kuala Lumpur (AMNEC) memulakan tahun 2025 dengan Majlis Penghargaan di Gereja *Sacred Heart of Jesus*, Kuala Lumpur.

Dalam majlis itu, lebih 100 hadirin yang pernah menyertai acara AMNEC menyaksikan montaj menarik bermula dengan acara “*Transforming Parishes*” pada Jun 2024 di Gereja *St Francis of Assisi*, “*Igniting the Spark*” (Julai) “*Inspired To Go*” (Ogos) di Gereja *Sacred Heart of Jesus*.

Turut ditayangkan ialah kenangan sempena Bulan Misi Oktober di lima buah Gereja iaitu Gereja *St Theresa*, Nilai; Gereja *St Thomas the Apostle*, Kuantan; Gereja *Sts. Peter and Paul*, Banting; Gereja *the Risen Christ*, Kuala Lumpur; dan Gereja *Our Lady of Guadalupe*, Puchong dengan tema, “Aku Adalah Misi”.

Hadirin juga melihat gambar-gambar AMNEC di acara *Joy to the World* di *The Godown*, Kuala Lumpur, bersama ASAYO, ABLAZE, *Cornerstone Disciples* dan pelay-

anan belia paroki lain.

Fr Edwin Peter, Pembantu Eklesiastikal AMNEC, dalam ucapan alu-aluannya, berkongsi tentang tiga kejayaan dalam sejarah keselamatan, iaitu Penciptaan pada awal waktu, kelahiran Yesus pada Krismas, dan ketiga, kedatangan Yesus yang kedua kalinya.

Di antara fasa pertama dan kedua, Tuhan mengutus nabi-nabi, dan di antara fasa kedua dan ketiga, Tuhan mengutus para rasul dan sekarang, mengutus kita semua lebih-lebih lagi pada Tahun Jubli 2025 ini.

Andrew Lim, ketua AMNEC, kemudian berkongsi perancangan AMNEC untuk tahun 2025. Beliau menjelaskan misi AMNEC untuk melahirkan “penjala murid Kristus” dengan mengikuti Siri Iman (*Faith Series*) anjuran *Catholic Christian Outreach* (CCO), sebuah gerakan misi Katolik selama 38 tahun yang berdedikasi dalam penginjilan.

Ahli pasukan AMNEC sendiri mengikuti siri ini yang dikendalikan oleh Amber Effeuze, *Parish Specialist CCO*, melalui Zoom memandangkan CCO berpangkalan di Kanada.



Amber berkongsi pengalaman di Ireland di mana seorang paderi paroki mendapati *Faith Series* berjaya menggerakkan umat parokinya untuk terlibat dalam pelbagai pelayanan Gereja setelah mereka mengalami pertemuan dengan Kristus.

Majlis Penghargaan diakhiri dengan doa Rosari dan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow.

Dalam homilinya, Uskup Agung Julian menegaskan bahawa setiap orang telah menyahut undangan Tuhan dengan hadir dan menjadi tanggungjawab semua untuk berkongsi Khabar Gembira terutamanya kepada mereka yang belum mengenal Kristus. Selepas Misa, para peserta berkumpul di dewan untuk meraikan ulang tahun kelahiran Uskup Agung Julian dan

jamuan makan tengah hari.

Berikut merupakan perkongsian beberapa orang umat yang pernah menghadiri program AMNEC:

Fiorentina Anne dari Gereja *Holy Family*, Kajang, berkongsi bahawa selama ini beliau ingin mendalami tentang penginjilan dan pemuridan. AMNEC telah memberinya harapan dan dorongan untuk lebih mendalami peranan sebagai murid Kristus.

Jennifer Junita dari Gereja *St John Marie Vianney*, Tampin, berkata, “Melihat melihat usaha luar biasa semua orang dalam penginjilan dan bagaimana usaha itu memberikan sukacita telah membangkitkan semangat penginjilan yang membara dalam diri saya.”

Geraldine Pinto dari Gereja *St Joseph*, Sentul, mengakui beliau diteguhkan dalam panggilan sebagai murid misionari dan tersentuh setiap kali berdoa dalam Puji dan Sembah serta persahabatan yang terjalin.

Maliana Salampin dari Gereja *the Risen Christ* menyifatkan pengalamannya sebagai “indah dan luar biasa dan berharap dapat melihat lebih ramai lagi umat menjadi murid misionari Kristus”.

Pada Oktober 2025, AMNEC merancang untuk bekerjasama dengan AOHD bagi sambutan Jubli Migran bagi menyokong Bapa Suci Fransiskus dan Uskup Agung Julian. Untuk maklumat lanjut, semua dijemput untuk menghubungi AMNEC di talian +6012-317 3677 (Andrew) atau +6012-508 6180 (Lucas)

